



GAJI MINIMUM BERCANGGAH DENGAN ISLAM

Sempena Hari Pekerja tahun ini, kerajaan telah mengumumkan kadar gaji minimum kebangsaan bagi sektor swasta sebanyak RM900 sebulan atau RM4.33 sejam untuk Semenanjung manakala Sabah, Sarawak dan Labuan pula pada paras RM800 atau RM3.85 sejam. Perdana Menteri Malaysia berkata, gaji minimum itu akan meliputi semua pekerja termasuk pekerja asing dalam semua sektor ekonomi, kecuali perkhidmatan domestik seperti pembantu rumah dan tukang kebun. Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan persetujuan kerajaan itu sebagai "hadiah istimewa" kepada golongan pekerja di negara ini sempena sambutan Hari Pekerja. Satu mekanisme akan dibuat supaya pelaksanaan gaji minimum tidak membebaskan majikan dan tidak merugikan para pekerja, katanya. Mana-mana majikan yang tidak mematuhi ketetapan ini boleh didenda sehingga RM20,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali. Sementara itu Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyifatkan kadar gaji minimum bagi sektor swasta yang diumumkan kerajaan dapat membela nasib pekerja khususnya yang berada di bawah garis kemiskinan. Presiden MTUC Mohd Khalid Atan berkata keputusan itu jalan terbaik untuk membela nasib mereka pada masa depan. Tuntutan asal para pekerja supaya gaji minimum ditetapkan pada paras antara RM1,200 hingga RM1,500 tetapi kerajaan menganggap sekiranya gaji minimum yang ditetapkan melebihi tahap RM900 akan menjejaskan ekonomi, pasaran buruh dan kemasukan pelaburan asing. Sekiranya perkara ini berlaku, industri tidak boleh beroperasi sewajarnya dan dikhuatiri ramai pekerja akan kehilangan pekerjaan.

Dasar Penggajian Dalam Sistem Ekonomi Kapitalis

Umat Islam harus sedar bahawa sistem ekonomi yang diterapkan pada hari ini adalah sistem kapitalisme yang berasal dari Barat. Lebih penting, umat Islam harus sedar bahawa sistem ekonomi kapitalisme ini merupakan sistem kufur yang penuh kezaliman dan bercanggah dengan Islam. Dalam sektor pekerjaan, secara umumnya orang-orang kapitalis memberikan gaji/upah kepada seorang pekerja dengan 'upah yang patut' yang dinilai berdasarkan keperluan biaya hidup pada tahap yang paling minimum bagi pekerja tersebut. Mereka akan menaikkan sedikit gaji tersebut apabila beban hidup semakin bertambah, namun kenaikan itu pun masih diukur berdasarkan batas minimum beban keperluan hidup. Sebaliknya gaji akan berkurangan jika beban keperluan hidup adalah lebih rendah. Ringkasnya, gaji/upah seseorang pekerja adalah ditentukan berdasarkan beban hidupnya, tanpa menyandarkannya kepada aspek jasa (manfaat) tenaga yang diberikan oleh seseorang pekerja itu. Orang-orang kapitalis melakukan perkara ini kerana mereka membangunkan transaksi *ijarah* (kontrak/akad kerja) berdasarkan transaksi jual beli dan hal ini menyebabkan harga barang-barang/ keperluan hidup menjadi penentu gaji seseorang pekerja. Cara seperti ini diamalkan baik di negara-negara kafir mahupun negara-negara umat Islam yang menerapkan sistem kapitalis.

Itu dari satu aspek. Dari aspek yang lain, dalam menentukan kadar gaji, industri (majikan) dituntut untuk memenuhi tuntutan yang sebenarnya langsung tidak terkait dengan pekerjaan seperti hak-hak buruh dalam pendidikan, kesihatan, hari tua sampailah ke tahap penyediaan kemudahan seperti rumah, insurans dan lain-lain, sehingga 'komponen' gaji dalam sistem ekonomi kapitalis amat banyak sekali. Hal-hal ini sebenarnya muncul seiring dengan paradigma kapitalis yang menyerahkan masalah kesihatan, pendidikan dan kesejahteraan hari tua serta yang lainnya kepada pihak individu atau swasta dan bukan menjadi tanggungjawab negara. Dengan penyediaan segala kemudahan dan inisiatif dari majikan ini, majikan kelihatan baik dan sekali gus segala dosa dan kesalahan negara tertutup.

Pengusaha (termasuk kerajaan) dalam sistem Kapitalis, senantiasa berusaha untuk mencari keuntungan sebesar-besarnya tanpa sebenarnya memedulikan nasib kaum buruh (pekerja). Kerana itulah, antara masalah utama yang menyentuh kaum buruh dalam sistem Kapitalis buatan manusia ini adalah rendahnya atau tidak sesuainya pendapatan (gaji) yang diperoleh berbanding tuntutan untuk memenuhi keperluan hidup. Faktor keperluan hidup yang semakin meningkat, sementara gaji yang diterima relatif tetap, menjadi salah satu pendorong gerakan protes kaum buruh. Di dalam sistem ekonomi Kapitalis, rendahnya gaji buruh merupakan faktor penarik utama kepada pelabur asing. Bagi pemerintah yang kapitalis, demi kepentingan peningkatan pendapatan mereka (bukannya pendapatan rakyat), memelihara keadaan seperti ini sangatlah penting. Dalam apa jua keadaan, apatah lagi ketika terjadi krisis perburuhan, pihak pemerintah ini lebih memilih untuk memihak kepada 'sang pelabur' berbanding kepada pekerja walaupun para pekerja ini merupakan rakyatnya sendiri. Dua kepentingan yang berbeza antara buruh dan pengusaha inilah yang sering menjadi pemicu munculnya krisis perburuhan yang tidak pernah berkesudahan dalam sistem Kapitalis.

Dasar Penggajian Dalam Sistem Ekonomi Islam

Sesungguhnya Islam tidak pernah mengenal masalah perburuhan sebagaimana yang wujud dalam sistem Kapitalis. Dalam Islam, masyarakat tidak terpecah kepada dua yakni antara kelas buruh dan kelas pengusaha, antara proletariat dan borjuis, antara buruh tani dan tuan tanah dan seumpamanya. Ini kerana, dalam Islam, mereka yang dikelompokkan dalam kategori buruh/pekerja, kesemuanya disebut

sebagai *ajir* baik pekerja/buruh itu dari kalangan terpelajar dan profesional seperti konsultan, pensyarah, jurutera, doktor, peguam dan sebagainya (yang dibayar gaji) mahu pun *ajir* (pekerja/buruh) itu adalah orang yang mengeluarkan tenaga seperti buruh kasar, pekerja kilang, tukang kasut, tukang masak dan lain-lain, baik ia bekerja secara perseorangan, dengan pihak swasta mahupun kerajaan. Jadi, semua orang yang bekerja yang menerima upah, apa pun bentuk pekerjaannya, dalam Islam dinamakan *ajir*, kerana dia telah mengeluarkan atau memberikan manfaat/jasa tertentu. Orang yang mengupahnya atau memberikannya gaji dinamakan *mustajir* dan *mustajir* ini boleh jadi individu, swasta atau negara. Transaksi (akad) perburuhan pula dipanggil *ijarah*.

Ijarah didefinisikan sebagai akad/transaksi atas manfaat/jasa yang dikeluarkan oleh *ajir* dengan memperoleh imbalan berupa *ujrah* (gaji/upah) dari *mustajir*. Ini bererti, apa yang mendasari akad/transaksi ini adalah "manfaat" (jasa) yang dikeluarkan oleh *ajir*, bukannya "keperluan hidup" *ajir* atau yang lainnya. Atas dasar ini, Islam tidak memasukkan persoalan-persoalan yang menyangkut keperluan *ajir* terhadap kesihatan, pendidikan, insurans, pencen, perumahan dan lain-lain dalam transaksi *ijarah*. Ini kerana, definisi *ijarah* itu hanya terkait dengan 'manfaat' yang diberikan oleh *ajir*, serta 'dihargakan' dengan *ujrah* yang disepakati oleh kedua belah pihak. Oleh yang demikian, adalah wajar jika "manfaat" yang diberikan oleh *ajir* itu sedikit, maka upahnya juga kecil sesuai dengan kesepakatan kedua belah pihak.

Dari sini kita dapat fahami bahawa setiap *ajir* itu memberikan "manfaat" yang berbeza-beza sesuai dengan bentuk pekerjaan, pengalaman, kemahiran dan lain-lain, sehingga kuantiti *ujrah* tadi tidak dapat

CERAMAH UMUM

"PRU-13: WHO STANDS FOR ISLAM?"

Tarikh: 20 Mei 2012 (Ahad)

Tempat: Asrama D'Ark, No. 12, Jln Sri Kasih 1, Tmn Sri Kasih,
Jln Paroi-Senawang, Seremban, Negeri Sembilan

Masa: 9.00 pagi - 1.00 ptg

= *Masuk Percuma, Muslimin dan Muslimat Dijemput Hadir* =

diseretapkan bagi semua manusia yang berakad. Kerana itulah Islam menetapkan bahawa *ujrah* tersebut hanya dipersetujui atau disepakati di antara dua pihak yang berakad sahaja yakni *ajir* dan *mustajir*. Pihak ketiga atau orang lain yang tidak ada kena-mengena dengan akad tidak boleh masuk campur atau menentukan berapakah *ujrah* yang sepatutnya dibayar. Oleh itu, pemerintah selaku pihak yang tidak bersangkut paut dengan akad, tidak boleh dan tidak ada hak untuk campur tangan dalam penentuan *ujrah* antara *ajir* dan *mustajir*, atas alasan apa sekali pun.

Ketentuan mengenai *ujrah* di dalam Islam disebut oleh Allah SWT di dalam Al-Quran, “*Apabila mereka (wanita-wanita) menyusui anak kalian, maka berikanlah kepada mereka upah-upah mereka*” [TMQ at-Thalaq (65):6]. Dalam hadis qudsi, Rasulullah SAW bersabda, “*Tiga orang yang Aku musuhi pada hari Kiamat ialah....orang yang mengupah pekerja, kemudian pekerja tersebut menunaikan pekerjaannya sedangkan orang tersebut tidak memberikan upahnya*” [HR Bukhari]. Islam memerintahkan kepada kedua belah pihak (*ajir* dan *mustajir*) menentukan *ujrah* sebelum dilakukan pekerjaan, sebagaimana sabda Nabi SAW, “*Apabila salah seorang di antara kalian mengupah seorang ajir maka hendaklah ia memberitahu upahnya kepada ajir tersebut*” [HR Daruquthni]. Imam Ahmad juga meriwayatkan sebuah hadis dari Abi Sa’id bahawa “*Nabi SAW melarang mengupah seorang ajir sehingga upahnya jelas (terlebih dahulu) baginya*”. Dari nas umum ini sahaja kita sudah dapat memahami bahawa transaksi *ijarah* hanya melibatkan dua pihak sahaja iaitu *ajir* dan *mustajir* dan bersifat individual, tanpa melibatkan pihak ketiga (termasuk pemerintah) di dalam menentukan *ujrah* atau syarat-syarat pekerjaan lainnya.

Kewajiban *ajir* adalah bekerja mengikut spesifikasi pekerjaan yang disepakati dengan *mustajir*, menepati waktu kerja (jam kerja dalam sehari, hari dalam seminggu dan sebagainya), tempoh kontrak dan kesemua syarat yang telah disepakati. Manakala kewajiban *mustajir* pula adalah memberinya *ujrah* sesuai dengan kesepakatan, yang wajib dibayar tepat pada waktunya. Oleh kerana itu, setiap orang yang sudah menyetujui transaksi *ijarah*, baik ia sebagai *ajir* mahupun *mustajir*, wajib mentaati dan menjalankannya dengan bersungguh-sungguh kerana mematuhi perjanjian (akad) di dalam Islam itu termasuk kewajiban yang *qath’ie* (pasti). Melalaikan kewajiban atau melanggar akad merupakan dosa besar dan wajib dikenakan *uqubat* (hukuman).

Dalam Islam, akad *ijarah* tidak ada hubungannya dengan hak-hak politik warganegara, sebab transaksi ini hanya melibatkan *ajir* dan *mustajir* dari aspek manfaat yang dikeluarkan dan imbalan (upah) atas manfaat tersebut. Transaksi *ijarah* tidak ada kaitan dengan hubungan antara rakyat dengan penguasa sehingga tidak dibenarkan dan tidak pernah ada faktanya dalam Islam, hak-hak berbicara, berkumpul atau berserikat dimasukkan ke dalam akad *ijarah*. Ini kerana hak-hak politik ini sudah pun dijamin dalam sistem Islam bagi seluruh kaum Muslimin, tanpa mengira sama ada dia seorang *ajir* atau *mustajir*. Agar tidak terjerumus ke dalam kesalahan dan dosa, kaum Muslimin yang masuk dalam akad pekerjaan, baik ia sebagai *ajir* ataupun *mustajir*, wajib mengetahui syarat-syarat, rukun, tata cara serta pelbagai bentuk akad *ijarah*, termasuk jika terjadi perselisihan antara kedua belah pihak, kesemuanya wajib diselesaikan menurut hukum Islam.

Islam menetapkan bahawa, seandainya muncul perselisihan antara dua belah pihak tentang kadar gaji, maka urusan ini diserahkan kepada para *khubara* (para pakar) yang akan menentukan *ajrun mitsli* (gaji yang sepadan) untuk *ajir* tersebut sesuai dengan situasi dan pekerjaannya, kawasan tempatnya bekerja dan pertimbangan-pertimbangan lainnya. Orang yang memilih *khubara* adalah kedua-dua pihak yang bersengketa. Jika *khubara* ini belum dipilih atau mereka masih tetap berselisih, maka mahkamah atau negaralah yang berhak melantik *khubara* (negara hanya melantik *khubara*, bukannya menentukan gaji) bagi mereka [Nidzamul Iqtisadi Fil Islam, Taqiyuddin an-Nabhani].

Peranan Negara

Harus difahami bahawa peranan negara dalam Islam adalah menerapkan hukum syarak. Tugas negara adalah mengatur dan mengurus urusan seluruh rakyat dengan Islam, termasuk bertanggung jawab atas kesejahteraan rakyat, baik rakyat itu dari golongan *ajir* mahupun *mustajir*, penganggur, pelajar, peniaga, nelayan dan sebagainya. Jika wujud kezaliman atau ketidakadilan, maka negara

wajib mengatasi dan menyingkirkannya tidak kira sama ada ia dilakukan oleh siapa pun termasuk yang dilakukan oleh *ajir* terhadap *mustajir* atau sebaliknya. Membiarkan kezaliman berterusan adalah perbuatan dosa dan maksiat dan ini diharamkan oleh Allah SWT.

Dalam sistem Kapitalisme hari ini, jaminan sosial (seperti pendidikan, kesihatan, insentif hari tua) hanya diberikan oleh negara kepada penjawat awam, itu pun berasal dari gaji yang dipotong setiap bulan. Manakala untuk pekerja swasta, jaminan sosial tersebut diserahkan kepada pengusaha atau *mustajir* (ini yang menjadi beban bagi perusahaan dan menjadi sumber perselisihan dengan pekerja) dan negara juga berperanan membuat peraturan atau undang-undang berkenaan pekerjaan. Dalam sektor swasta, dalam banyak keadaan, golongan pekerja sentiasa berada dalam keadaan ‘kalah’ khususnya golongan pekerja bukan profesional di mana gaji/upah mereka selalunya rendah. Ini kerana, sistem Kapitalisme telah meletakkan orientasi “keuntungan maksimum” sebagai matlamat utama di dalam setiap perkara. Justeru, untuk memaksimumkan untung, *mustajir* mestilah memberikan gaji/upah yang paling minimum kepada setiap pekerja. Apabila sampai waktunya untuk sesebuah kerajaan kapitalis yang zalim menunjukkan ‘kebaikan’ kepada rakyat, maka ia menetapkan undang-undang “gaji minimum” (dengan kadar yang lebih tinggi daripada yang selalu diberikan oleh *mustajir*) agar kerajaan dilihat baik oleh rakyat, khususnya oleh golongan pekerja yang tertindas tadi, yang terdiri dari bilangan yang ramai secara relatifnya.

Di dalam Islam, adalah menjadi kewajiban negara untuk mendidik dan memberikan kursus kemahiran kepada rakyatnya semaksimum mungkin, di samping menyediakan lapangan kerja dengan menciptakan iklim kerja yang positif. Jadi, tanggung jawab menjaga kebajikan pekerja seperti penyediaan kesihatan dan sebagainya tidak dibebankan kepada para majikan, di mana pihak penguasa berlepas tangan, sebagaimana yang terjadi dalam sistem Kapitalis. Dalam sistem ekonomi Islam, negara wajib memberikan jaminan sosial baik kesihatan, pendidikan mahupun hari tua kepada seluruh rakyat baik *ajir* mahupun *mustajir*, orang kaya mahupun orang miskin, Muslim mahupun non-Muslim. Di sinilah letak keadilan Islam, yang tidak berpihak kepada para *ajir* sahaja bahkan juga terhadap para *mustajir*, malah kepada seluruh rakyat.

Rasulullah SAW selaku ketua negara, menjamin kesihatan rakyatnya di mana baginda membangun tempat berubat dan biaya perubatan diambil dari Baitul Mal. Demikian pula terhadap pendidikan di mana Rasulullah SAW mengenakan syarat tebusan bagi tawanan perang untuk memberikan pelajaran kepada kaum Muslimin yang buta huruf. Khalifah Umar al-Khattab pernah memberikan gaji guru sebesar 15 dinar sebulan (sekitar RM11,790 sekarang) di mana gaji itu diambilnya dari Baitul Mal. Ini semua menjadi dalil bahawa negara berkewajiban menyediakan kesihatan dan pendidikan percuma kepada rakyat, di samping membuktikan kadar gaji guru yang sepadan diberi oleh Umar.

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Sekiranya sistem perburuhan Islam diterapkan (bersama dengan penerapan keseluruhan sistem Islam yang lain), maka *Insya Allah* tidak akan wujud persoalan atau krisis perburuhan sebagaimana yang berlaku dalam sistem Kapitalis sekarang, yang tidak habis-habis mengheret perbalahan antara *ajir* dan *mustajir* dan juga campur tangan kerajaan. Tidak akan ada pemogokan buruh, piket, tuntutan naik gaji dan sebagainya dalam Islam. Pihak buruh tidak perlu melakukan semua itu kerana semua persoalan yang muncul wajib dikembalikan kepada akad individual yang telah dipersetujui oleh masing-masing *ajir* dan *mustajir*. Sekiranya buruh tetap melakukan mogok dan sebagainya untuk menekan dan memaksa *mustajir* membayar gaji/upah yang lebih tinggi dari yang telah disepakati dalam akad, maka hal ini bererti pengkhianatan terhadap akad dan ini dikesam oleh Islam dan pelakunya berhak mendapat *uqubat*. Firman Allah SWT, “*Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah akad-akad itu*” [TMQ al-Maidah (5):1]. “*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang dipercayakan kepadamu, sedangkan kamu mengetahui*” [TMQ al-Anfal (8):27]. Sesungguhnya langkah menetapkan gaji minimum oleh kerajaan merupakan sebuah kezaliman kerana ia bercanggah dengan hukum Islam. Lebih zalim lagi apabila kerajaan menghukum pula majikan yang tidak mematuhi ketetapan ini. *Wallahu a’lam*.